

Patriot

Majalah Kementerian Pertahanan



KEMENTERIAN
PERTAHANAN



ANGKATAN TENTERA
MALAYSIA

PROGRAM HALATUJU MINDEF

2016



MINDEF & ATM
MENDOKONG 5 TERAS
HALATUJU 2016

dalam isu ini

10

Defence Services Asia **2016**



DSA 2016
15TH DEFENCE SERVICES ASIA
EXHIBITION & CONFERENCE

18

Penyerahan Rangka Warga Australia

Oleh Kerajaan Malaysia

31 May 2016



KULIT HADAPAN:

Dari kiri: KSU Mindef, Menteri Pertahanan, Timbalan Menteri Pertahanan dan Panglima Angkatan Tentera sewaktu Program Halatuju MinDef 2016 di Awana Genting Highland.



41

LAWATAN MENHAN KE SARAWAK

- 02** Isi Kandungan **03** Sidang Redaksi / Kata Aluan Editor **04** 5 Teras MINDEF **07** Perutusan MENHAN **08** Istiadat Mengarak Panji-Panji
10 DSA 2016 **16** Penutup DSA 2016 **17** Perasmian Sea Basing Tawau **18** Penyerahan Rangka Warga Australia **19** Lawatan Media Ke Kem Terendak **20** Timbalan Menteri Pertahanan & Tentera Darat Melawat Kampung Pos Dipang **21** Latihan Kuasa Tembakan TD **22** Pusat Pengujian Tropika STRIDE **24** Majlis Konvokesyen PERHEBAT Ke-43 **25** Pelaksanaan Electronic Medical Automation Supply system (e-MASS) kepada Veteran ATM **26** KSU Agih Bubur Lambuk Kepada Warga MinDef **29** Majlis Penyampaian Bantuan Persekolahan Kepada Anak-Anak Anggota Tentera **30** Majlis Pelancaran PLKN 2.0 **31** Toleransi Dalam Membuat Keputusan **32** Apakah Itu EKSA? **34** Lalai & Leka Mencari Kemewahan Duniawi: Persediaan Menghadapi Alam Kubur **37** Khidmat Pelanggan MinDef “Terbaik Dari Kami!” **38** Radio MinDef “1 Jam Kami Bersiaran” **39** Lawatan Menhan Ke Sarawak **44** Sudut informasi Kementerian Pertahanan dan ATM **45** Sambutan Maulidur Rasul Peringkat MinDef **46** Puspanita **47** Jom Grooming #untuklelaki **48** Kepentingan Air Dalam Tubuh Badan Manusia **49** Media Sosial Kementerian Pertahanan **50** Koperasi Tentera **51** Tugu Obelisk



Sidang Redaksi Patriot

Penaung

Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi
Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia

Penasihat

Pn. Adreena bt Abdul Majid
Ketua Komunikasi Strategik

Ketua Editor 1

En. Aszahari bin Abdul Rahman
Timbalan Ketua Komunikasi Strategik

Ketua Editor 2

Mejar Setia Perwira bin Mohd Wazir
Ketua Tadbir UKS

Editor

En. Ameer Rithauddin bin Roslan

Tim Redaksi

Sjn (U) Azlan bin Arshad
Mohd Tahiruddin Hamzani
Nurkhaliza bt Mohd Khalid
Nur Syuhada bt Mat Junoh
Adib bin Ruslan (Pelatih Industri IPT)
Noor Syahirah bt Fuad (Pelatih Industri IPT)
Aliyana bt Mat Asli (Pelatih Industri IPT)
Azanin Rosyafiqah bt Azahar (Pelatih Industri IPT)
Haniff Omar bin Hussein (Pelatih Industri IPT)

Penulis Tamu

Mej. Mohd Ramizi bin Ramli
Ketua Unit Penerbitan Jabatan Arah KAGAT

Foto

Tim Jurufoto UKS
BM TNL Zulkifle bin Mohamad
Kpl U Mohd Fahmi bin Nawi
Sjn Khairil Anuar bin Zhali
Kpl Nur Haslinda bt Zakaria
Mohd Hafizan bin Resali TLDM
Pbt Zulkefli bin Abdul Aziz
Kpl Salimarwan bin Mahamat

Dari Meja
Editor

**LAKSANAKANLAH DENGAN
SEPUHUH HATI...**

Setiap apa yang ingin kita lakukan haruslah mempunyai matlamat dan objektif yang jitu agar tercapai dengan penuh jayanya. Begitu juga dengan setiap tugas yang diamanahkan, kita harus laksanakannya dengan sepenuh hati bagi memenuhi kehendak majikan yang mengharapkan komitmen sepenuhnya daripada setiap kakitangan. Sifat amanah, jujur, ikhlas, integriti, berdisiplin dan bertanggungjawab merupakan antara nilai yang sentiasa diambil kira dalam menilai seseorang pekerja. Justeru, kita semua harus sentiasa meningkatkan kemahiran diri, banyak membaca dan menambah ilmu-ilmu baharu bagi menjadikan kita seorang pekerja yang sentiasa mampu bersaing dan berkualiti. Jom Kita Positif!++

"Pertahanan Negara, Tanggungjawab Bersama".

5

Teras MINDEF

- 1. Meningkatkan Kesiapsiagaan dan Modernisasi ATM**
- 2. Memantapkan Keselamatan Negara**
- 3. Menambah Baik Kebajikan ATM dan Veteran ATM**
- 4. Meningkatkan Diplomasi Ketenteraan Serantau dan Antarabangsa.**
- 5. Memastikan Keberkesanan Pelaksanaan PLKN 2.0**

Teras Pertama: Meningkatkan Kesiapsiagaan dan Modernisasi ATM

Kita sering dipesan, sediakan payung sebelum hujan. Beringat sebelum kena, supaya tidak nanti sudah terhantuk baru terngadah.

Begitulah juga dengan MINDEF dan ATM. Kesiapsiagaan akan menjadi teras yang akan kita beri perhatian serius.

Di bawah teras ini, keutamaan akan diberikan kepada kesiapsiagaan di bawah Rancangan Pembangunan Tiga Perkhidmatan iaitu 7 projek kesiapsiagaan di bawah Rancangan Pembangunan Pertahanan Darat, 4 projek kesiapsiagaan di bawah Rancangan Pembangunan Pertahanan Maritim dan 7 projek kesiapsiagaan bagi Rancangan Pembangunan Pertahanan Ruang Udara.

Teras Kesiapsiagaan ini akan melibatkan implikasi kewangan keseluruhan sebanyak RM3.51 bilion.

Kita bernasib baik kerana dalam keadaan ekonomi semasa, rancangan pembangunan dan keutamaan ini tidak terjejas atau dikurangkan.

Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada mereka yang telah berjaya meneliti dan meneroka jalan terbaik agar core business kita ini dapat dipertahankan sekalipun dalam senario ekonomi yang mencabar.

Saya harap, melalui teras ini, ketumbukan ATM akan bertambah baik. Malah akan meletakkan kita setaraf untuk duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara-negara lain di dunia.

Teras Kedua: Memantapkan Keselamatan Negara

Bagi Teras ketiga iaitu Memantapkan Keselamatan Negara, kita akan memfokuskan kepada 5 perkara iaitu Keselamatan Zon Maritim Malaysia, Keselamatan Wilayah Timur Sabah, Keselamatan Persempadanan Daratan, Keselamatan Siber dan Ancaman Keganasan.

Selain akan menyaksikan inisiatif-inisiatif strategik di bawah setiap satu fokus ini seperti meluaskan kerjasama Malacca Straits Patrol (MSP), pengoperasian sepenuhnya Sea Basing dan Bunga Mas (BM) 5, perluasan keupayaan platform



Petikan daripada

Perutusan Khas Tahun Baru 2016 Oleh YB Menteri Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein pada 15hb Februari 2016

SIGINT dan HUMINT, teras keselamatan ini akan turut menambahbaik aspek komunikasi strategik sepanjang, semasa dan selepas konflik.

Kita mempunyai hotspots yang perlu dipantau secara dekat. Proses damai di Mindanao sedang dipantau secara dekat oleh Jeneral Hadi dan rakan-rakannya. Dan dalam usaha memantau pengganas-pengganas yang menular dan datang dari setiap pelosok dunia melalui bumi kita, kita mesti mempunyai perancangan yang rapi untuk menghadapinya.

Sebab itu, isu memantapkan keselamatan negara memerlukan pendekatan yang strategik. Memerlukan pemikiran yang tajam. Memerlukan pengimbangan semua pihak yang memahami sedalam-dalamnya, apa yang perlu kita hadapi.

Perkongsian maklumat dengan agensi-agensi risik yang lain juga penting kerana fenomena yang kita hadapi sekarang, khususnya dalam konteks Daesh, tidak pernah kita dan dunia lalui sebelum ini.

Dan inilah sebenarnya perkara membawa kelebihan kepada kita. Kerana wajah sebenar Islam bukan ganas. Sebaliknya berdasarkan kepada toleransi, kesederhanaan dan tindakan waras yang rasional. Yang merupakan ciri dan identiti negara kita yang boleh menjadi contoh kepada negara-negara lain.

Teras Ketiga: Menambah Baik Kebajikan ATM dan Veteran ATM

Selama ini yang sering kita dengar dan tuntut adalah, anggota ATM harus dan mesti memberi sebanyak-banyaknya kepada negara. Namun, saya kira sudah tiba masanya, negara dan kementerian harus mula memberi sebanyak-banyaknya kepada anggota ATM, warga MINDEF dan veteran-veteran kita.

Saya tidak hanya beretorik kosong atau sekadar menanam tebu di pinggir bibir bila saya menyatakan yang saya akan berhabis-habisan mengangkat kebajikan anggota ATM ke tahap yang selayaknya. Ini janji saya kepada setiap yang hadir dan mendengar majlis kita dari jauh pada pagi ini.



Kita akan berikan tumpuan kepada pendidikan, perumahan, skim perkhidmatan, kerohanian, kesihatan dan kesejahteraan anggota dan veteran ATM serta keluarga mereka.

Di bawah aspek perumahan, sebanyak 4000 unit Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) di bawah RMK-11 akan dibina di 11 lokasi seluruh negara dengan kos keseluruhan sebanyak RM1.204 bilion.

Bermula pada bulan ini, anak-anak anggota ATM yang selama ini terpaksa menaiki trak dan kenderaan tentera untuk ke sekolah setiap hari, akan mula menikmati keselesaan menaiki bas sekolah yang sebenar. Dan inisiatif ini akan memberi manfaat kepada 11,275 orang anak anggota ATM dengan perlindungan insurans merangkumi 76 kem di seluruh negara.

Bermula esok, 16 Februari 2016, bagi keselesaan anggota veteran ATM, kita akan mula membina 100 buah rumah dan membaiki 100 buah sedia ada di seluruh negara di bawah program 1MVHRP yang melibatkan peruntukan keseluruhan sebanyak RM5.82 juta.

Penambahbaikan sistem tred dan band ATM juga akan kita lakukan. Tuantuan dan puan-puan, sudah lama kita menunggu. Tetapi pada pagi ini, saya ambil kesempatan yang ada untuk mengumumkan bahawa kerajaan telah meluluskan penambahbaikan sistem tred dan band ATM dengan menstrukturkan semula tred sedia ada bagi memastikan kesemua anggota, tanpa mengira tred, mempunyai taraf pengetahuan dan kemahiran yang tinggi serta berpeluang untuk mencapai peningkatan band yang tertinggi sehingga band 5.

Kelulusan pemakaian band 5 bagi semua ketukangan ini akan melibatkan sebanyak 131 tred anggota lain-lain pangkat (LLP)—dalam sistem tred dan band ATM.

Melalui penambahbaikan ini, seramai 76,771 anggota LLP yang sedang berkhidmat akan mendapat manfaat berkuatkuasa 1 Julai 2016. Penambahbaikan ini melibatkan anggaran implikasi kewangan berjumlah RM58.89 juta.

Di samping anggota dalam perkhidmatan, kerajaan juga tidak ketinggalan dalam mengiktiraf kepakaran anggota yang telah menamatkan perkhidmatan sejak 1 Januari 2013 dengan meluluskan pemberian satu kenaikan band secara one off, bagi tujuan pengiraan faedah persaraan kepada anggota di tred yang tidak boleh mencapai kenaikan ke band 4 dan 5 sebelum ini.

Pemberian ini adalah sebagai penghargaan kepada sejumlah 19,436 anggota LLP yang berkelayakan, dan telah menamatkan perkhidmatan mulai 1 Januari 2013 hingga 30 Jun 2016. Anggaran implikasi kewangan bagi pemberian satu kenaikan band secara one off ini ialah sebanyak RM56.62 juta.

Saya amat gembira dengan kelulusan ini kerana ia meningkatkan gaji, seterusnya memberi duit lebih untuk perbelanjaan anggota dan keluarga anggota dan veteren ATM, terutama dalam situasi ekonomi hari ini. Ia memberi ruang dan peluang untuk anggota-anggota yang sebelum ini tidak dapat mencapai band 5 untuk meningkatkan taraf kepakaran dan kemahiran mereka. Ia juga membuka lebih lagi peluang pekerjaan dalam sektor swasta apabila mereka pencer nanti. Perkara ini sekaligus menunjukkan kerajaan amat peka dan mengiktiraf anggota tentera serta veteran kerana yang telah pencer sejak 1 Januari 2013 turut diluluskan kenaikan band secara one off bagi pengiraan faedah persaraan.

Teras Keempat: Meningkatkan Diplomasi Ketenteraan Serantau dan Antarabangsa.

Teras Keempat merupakan sesuatu yang cukup penting kerana peranan sebuah negara kerdil seperti Malaysia, kalau diposisikan dalam keadaan yang strategik,



boleh menjadi penting. Khususnya dalam senario ancaman yang dihadapi oleh dunia hari ini.

Hubungan baik kita dengan China, Amerika Syarikat, Arab Saudi dan Jepun merupakan sesuatu yang saya kira memberi kelebihan kepada kita.

Military diplomacy merupakan sesuatu yang bermanfaat andai kita gunakan dengan bijak. Hatta pada pandangan mata negara-negara yang jauh lebih maju, jauh lebih besar sekalipun, saya percaya, pada mereka, kedudukan dan kekuatan yang ada pada MINDEF dan ATM adalah sesuatu yang tidak boleh dinafikan.

Dalam laporan oleh US Army Research Institute for the Behavioral and Social Sciences yang bertajuk *Winning The War And The Relationship: Preparing Military Officers For Negotiations With Non-Combatants*, telah disenaraikan bahawa antara cabaran disiplin pertahanan hari ini adalah kemahiran melakukan rundingan, memenangi kepercayaan pihak luar, serta keupayaan untuk meyakinkan keabsahan sesuatu polisi pertahanan negara di peringkat global.

Kemahiran melakukan rundingan ketenteraan ini adalah sesuatu yang amat kritikal. Kerana, jika tersilap langkah, ia bukan sahaja akan menggagalkan sesuatu misi, malah boleh mengeruhkan hubungan baik yang sedia ada.

Jadi, apabila berbincang di peringkat serantau, adalah amat penting untuk kita berfikiran terbuka. Jangan jadi kera sumbang, yang tidak mahu berkerjasama dengan orang lain. Apabila hadir ke platform antarabangsa, jangan kita jadi katak di bawah tempurung, yang tidak mengambil pusing perkembangan semasa.

Jadi, di bawah Teras Keempat 2016 ini, kita akan memberikan perhatian serius kepada keupayaan negara untuk melakukan diplomasi ketenteraan terutamanya dalam aspek seperti keselamatan sempadan, isu Laut China Selatan, industri pertahanan serta pencegahan keganasan.

Sasaran kita adalah untuk memantapkan kerjasama dengan Amerika Syarikat, China, Arab Saudi, Jepun, dan Perancis. Pada masa yang sama kita akan turut memperkemaskan kerjasama dan hubungan di kalangan negara ASEAN khususnya dengan Filipina, Brunei, Thailand dan Indonesia.

Teras Kelima: Memastikan Keberkesanan Pelaksanaan PLKN 2.0

Program Latihan Khidmat Negara 2.0, saya harap akan diambil serius oleh semua pihak.

Ini bukan sahaja tanggungjawab Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN). Tetapi ia merupakan tanggungjawab kita membawa transformasi selepas 10 tahun pelaksanaan PLKN. Dengan memberi satu suntikan baharu yang akan membawa transformasi dalam misi, visi dan aspirasi PLKN yang dapat dijiwai oleh semua pihak yang berkenaan.

Saya mahu kita melahirkan generasi muda yang lebih patriotik. Langkah ini penting terutama dalam asakan dan ancaman daripada golongan pengganas seperti Daesh yang semakin berleluasa.

Malah, dalam kita memikirkan wahana radikal menanam semangat cintakan tanah air sendiri, serta memupuk semangat kesukarelawan, adalah penting untuk kita memberi peluang kedua kepada anak-anak kita melalui PLKN. Mereka yang tidak mendapat tempat dalam universiti-universiti sekarang akan dilatih dan diberi kemahiran supaya turut mempunyai peluang kerjaya.

Nauzubillah, dalam keadaan ekonomi hari ini, kita tidak mahu melihat ada anak-anak kita yang terpinggir ekoran kitaran ekonomi. Sekalipun kita maklum, bahawa sudah lumrah kitaran ekonomi. Selepas merudum, ia akan pulih dan bangkit

semula. Namun semasa dalam keadaan merudum inilah, kita mesti mencari segala kekuatan untuk memastikan tidak ada mereka yang teraniaya atau terpinggir.

Dengan peruntukan dan implikasi kos sebanyak RM344.9 juta, pastinya misi, visi, dan aspirasi PLKN 2.0 ini adalah jauh lebih besar. Maka, fikirkanlah kaedah paling ampuh untuk menjadikan PLKN 2.0 platform terbaik melahirkan generasi muda yang lebih patriotik atau wahana radikal menanam semangat cintakan kesukarelawan.


Dalam laporan Relawan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNV), telah dinyatakan bahawa kesukarelawan di



kalangan negara-negara maju bukan lagi satu aktiviti kebajikan yang bersifat pilihan. Tetapi ia merupakan satu keperluan dalam usaha kita membina negara bangsa.

Maka, jadikanlah PLKN 2.0 ini platform terbaik melahirkan masyarakat dan anak muda yang sanggup memberikan jiwa dan raga untuk tanahair. Yang bangga bukan sekadar menjadi rakyat Malaysia, tetapi menyumbang sebanyak-banyaknya pada nusa dan bangsa.

Jadikan PLKN 2.0 ‘program pilihan’ dan ‘gerakan besar’ yang boleh mengubah cara fikir dan sikap semua rakyat Malaysia terhadap budaya kesukarelawanan. Biar semua orang, tidak kira muda atau tua, kaya atau miskin, berlumba-lumba ingin melakukan amal dan bakti pada bangsa. Ini yang saya harapkan melalui PLKN 2.0 yang baru ini.



“Suka, atau tidak, kita memerlukan satu naratif baharu. Naratif yang sesuai dengan perubahan pantas landskap keselamatan dan pertahanan global. Naratif yang menjawab dan selari dengan keperluan masa depan negara. Naratif yang membolehkan kita menganjurkan pembaharuan yang radikal dalam ikhtiar mempertahankan kedaulatan Malaysia.

Dan yang paling penting, naratif baharu yang mengambil kira kemunculan faktor-faktor yang saya namakan sebagai ‘pengubah percaturan’ atau ‘the emerging game changers’.

Perutusan Khas Menhan 2016

YB DATO' SERI HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN
Menteri Pertahanan Malaysia



ISTIADAT MENGARAK PANJI-PANJI SERI PADUKA BAGINDA YG DIPERTUAN AGONG

PUTRAJAYA, 22 JULAI - Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajjah Haminah berkenan mencemar duli menyempurnakan Istiadat Mengarak Panji-Panji Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XIV bertempat di Dataran Pahlawan Negara, Putrajaya.

Perbarisan Mengarak Panji-Panji Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong adalah salah satu upacara istiadat gilang-gemilang kepada Angkatan Tentera Malaysia. Panji-Panji merupakan satu penghormatan dan lambang kemegahan, semangat dan ketaatsetiaan yang tidak berbelah bahagi oleh Angkatan Tentera Malaysia terhadap Raja dan Negara.

Lima Panji-Panji Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong yang diarak ialah Panji-Panji Regimen Askar Melayu DiRaja (RAMD), Regimen Renjer DiRaja (RRD), Kor Armor DiRaja (KAD), Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara DiRaja Malaysia. Turut hadir ialah Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak; Menteri Pertahanan, Dato' Sri Hishammuddin Tun Hussein; Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi; Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Hj Zulkifeli bin Mohd Zin; Panglima-panglima Perkhidmatan, pegawai tinggi tentera, pegawai kanan awam, anggota tentera serta orang awam.



**KESIAPSIAGAAN
& DIPLOMATI PERTAHANAN**



Demonstrasi oleh pasukan Komando Malaysia sewaktu pelancaran DSA2016, PWTC.



Defence Services Asia 2016

KUALA LUMPUR: Siri Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) telah berkembang menjadi salah satu daripada 5 pameran pertahanan terbesar di dunia, menjadikan Malaysia dalam kalender pameran global untuk salah satu acara yang mesti dihadiri dalam sektor pertahanan dan keselamatan. Sekarang DSA adalah platform utama bagi peserta industri untuk mempromosikan produk, pertukaran idea dan teknologi dan mengadakan perkongsian dan memulakan kerjasama strategik dan sinergi.

Pameran empat hari yang bermula 18 hingga 21 April ini menghimpunkan sejumlah 1,200 peserta pameran dan syarikat-syarikat dari 60 buah negara. Diantara syarikat pertahanan dan keselamatan antarabangsa yang menyertai adalah Airbus, BAE Systems, Bell Helicopter, Finmeccanica, MBDA, Roxoboronexport, SAAB and Thales, manakala syarikat pertahanan dan keselamatan tempatan pula, AVP Engineering, Boustead Naval Shipyard, Destini Bhd, Deftech (DRB Hicom Defence Technologies), Muhibbah Engineering, Rohde & Schwarz Malaysia, Sapura Defence, SME Ordnance and Weststar Group.

Hari kedua pameran DSA 2016 memperlihatkan Kerajaan Malaysia menandatangani 24 perjanjian bernilai RM2.9 bilion bagi perkhidmatan pertahanan yang disaksikan oleh Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein dalam memeterai 10 dokumen kontrak, empat surat penerimaan (LOA), tiga surat tujuan (LOI) dan tujuh



Menteri Pertahanan bersama wakil pempamer DSA sewaktu pelancaran DSA 2016

memorandum persefahaman (MoU). Menteri Pertahanan berkata kontrak dan memorandum persefahaman (MoU) itu tanda bahawa kerajaan Malaysia tidak akan kompromi dengan aspek keselamatan dan pertahanan Negara walaupun dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu.

Selain Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA), Malaysia juga turut menjadi tuan rumah Forum Putrajaya 2016. Forum Putrajaya siri keempat ini telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak yang juga penaung Institut Pertahanan dan Keselamatan Malaysia MiDAS.

Forum yang berlangsung selama dua hari bermula 18 April 2016 dan 19 April 2016 merupakan forum antarabangsa mengenai pertahanan dan keselamatan yang diadakan dua tahun sekali. Ia merupakan persidangan yang menarik penyertaan yang

terdiri penggubal polisi, agensi pertahanan dan keselamatan, kumpulan ahli akademik untuk bertemu, berbincang dan berkongsi pengetahuan untuk menggalakkan pemahaman mengenai isu-isu pertahanan dan keselamatan serantau dan antarabangsa. Tema pada tahun ini adalah "Kerjasama Serantau dalam Menangani Cabaran-Cabaran Keselamatan". Tema ini juga dipilih selaras dengan ancaman keselamatan semasa di seluruh dunia.

Seramai 9 penceramah terlibat membentangkan kertas kerja mereka termasuk Laksamana Harry B. Harris Jr, Commander of U.S. Pacific Command. Forum ini telah menarik 500 peserta dari 51 negara ASEAN bersama 8 negara-negara anggota yang melibatkan Menteri Pertahanan, Ketua Setiausaha di Kementerian Pertahanan dan Panglima Angkatan Tentera

Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia dan Persidangan Forum Putrajaya 2016 telah menubuhkan satu platform utama bagi industri pertahanan untuk mempromosikan produk, pertukaran idea dan teknologi kerana nilai yang ditawarkan, kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin.

"Tiga hari pertama pameran itu menarik lebih daripada 38,000 pelawat perdagangan dari lebih 77 buah negara, jauh melebihi jangkaan kami 34,000 pengunjung. Tahun ini juga menyaksikan memecah rekod 1,200 syarikat yang mengambil bahagian yang mewakili lebih daripada 60 buah negara daripada industri pertahanan dan keselamatan global," kata beliau sambil menambah Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) 2018 akan diadakan di sini pada April 2018.

Beliau berkata pemeteraian RM2.9 bilion nilai kontrak pertahanan pada Selasa melebihi RM1.86 bilion ditandatangani pada DSA 2014, carta peningkatan sebanyak 56% pada tahun ini.

Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) bukan hanya mempamerkan produk tetapi juga pusat strategik yang merangsang perkongsian maklumat dan hubungan yang lebih erat antara agensi pertahanan dan keselamatan tempatan, katanya.



Pelbagai aktiviti disediakan kepada pengunjung pada DSA 2016

VVIP MELAWAT BOOTH DSA



Tim Panglima Angkatan Tentera Brunei

Dato' Sri Mohd. Najib Bin Tun Haji Abdul Razak



TYT Yang Dipertua Negeri Melaka (dua dari kanan)



Ketua Polis Negara



Tim Panglima Angkatan Tentera Singapura



Yang Mulia Raja Muda Perlis



Timbalan Menteri Pertahanan



Panglima Tentera Darat Malaysia



Ketua Setiausaha MINDEF



Timbalan Perdana Menteri & Menteri Pertahanan



KDYMM Sultan Pahang bersama Sultanah Hajjah Kalsom



TYT Yang di-Pertua Negeri Sarawak

THANK YOU
SEE YOU
AGAIN AT



16 - 19 APRIL 2018
KUALA LUMPUR, MALAYSIA

Penutup DSA 2016

KUALA LUMPUR, 21 APRIL – Menteri Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein telah menghadiri Majlis Penutup DSA 2016 dan mengumumkan DSA 2018 di PWTC, Kuala Lumpur.

Turut serta ialah Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Johari bin Baharum; Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi; Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Zulkifeli bin Mohd Zin; Panglima-panglima Perkhidmatan, pegawai-pegawai tinggi tentera, pegawai-pegawai kanan awam dan tentera Kementerian Pertahanan.

Antara bahan-bahan yang dapat disaksikan sewaktu DSA 2016



Perasmian 'Sea Basing' Tawau

- PM Najib



Dato' Seri Najib bersama VIP lain dan anggota TLDM sewaktu perasmian Sea Basing Tawau

SEMPORNA: Datuk Seri Najib Razak sebentar tadi merasmikan Pangkalan Laut Tun Sharifah Rodziah (PLTSR) di perairan Zon Selamat Timur Sabah (ESSZONE) berhampiran Pulau Bohey Dulang, dekat sini. Perdana Menteri yang diiringi Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman dan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, tiba di PLTSR kira-kira jam 12.10 tengah hari.

Mereka kemudian meninjau kelengkapan dan diberi taklimat berkaitan perkembangan terkini pangkalan berkenaan oleh Pegawai Pemerintah PLTSR, Komander Affendy Mohd Shuib dan Pegawai Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Mejar Zakaria Amir

Hussein. Najib turut menandatangani plak perasmian sebelum menyaksikan lintas hormat pelbagai bot berkuasa tinggi pasukan keselamatan yang beroperasi di ESSZONE. Ia disusuli makan tengah hari sebelum Perdana Menteri meninggalkan PLTSR kira-kira jam 1.20 tengah hari. Yang turut hadir ialah Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin; Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Datuk Seri Ahmad Kamarulzaman Ahmad Badaruddin dan Pengurus PETRONAS, Tan Sri Mohd Sidek Hassan. Pangkalan laut atau 'sea basing' adalah inovasi Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang diwujudkan menerusi kerjasama swasta khususnya PETRONAS dengan menyumbangkan pelantar minyak terpakai untuk dijadikan pangkalan.

Pembinaan pangkalan yang mula beroperasi pada Julai tahun lalu itu adalah cetusan idea Hishammuddin bagi memperkuuh kawalan di perairan pantai timur Sabah selepas insiden pencerobohan pengganas Sulu pada tahun 2013. Setakat ini, dua pangkalan laut dibina yang terbahagi kepada dua jenis iaitu pelantar statik yang kini dikenali PLTSR, manakala sebuah lagi ialah pelantar bergerak menggunakan kapal terpakai dikenali Kapal Auksilari Pangkalan Laut Tun Azizan (PLTAZ) yang beroperasi sejak Mei tahun lalu. Terdahulu, Najib menyaksikan operasi penembakan menggunakan mesingan Gatling Gun yang dipasang di helikopter Agusta A109 LOH milik Tentera Darat di kawasan Bakapit, Lahad Datu. Ketika ini, dua helikopter Agusta ditempatkan di Markas Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM), manakala dua lagi di Markas Task Force 450.



Sea Basing Tawau, Sabah

Penyerahan Rangka Warga Australia

Oleh Kerajaan Malaysia - 31 May 2016

SHAH ALAM: Majlis penyerahan 32 rangka warga Australia yang dikebumikan di Perkuburan Perang Commonwealth (CWG), Kem Terendak, Melaka, awal tahun 1960-an, selesai kira-kira jam 9.40 pagi tadi di Pangkalan Udara Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Subang, dekat sini. Majlis disempurnakan Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohd Johari Baharum mewakili Kerajaan Malaysia kepada wakil Kerajaan Australia, Mejar Jeneral (Bersara) M A Kelly AO DSC.

Upacara penuh istiadat itu berakhir dengan penyerahan bendera Australia oleh wakil tiga Divisyen Tentera Darat, Mejar Muhammad Nurzairi Omar kepada Rejimen Diraja Australia, Mejar Honnen. Semua keranda itu akan diterbangkan ke Australia menggunakan pesawat C-17 Tentera Udara Diraja Australia (RAAF) dan dijangka tiba di Pangkalan Tentera Udara Diraja Australia Richmond, Sydney, Khamis ini. Dalam majlis berkenaan, seramai 224 anggota Rejimen



Askar Melayu Diraja (RAMD) dan 61 anggota Angkatan Pertahanan Australia turut terbabit. Usaha membawa pulang 32 rangka itu dilakukan menerusi Operasi Reunite membabitkan kerjasama Kerajaan Malaysia yang diterajui oleh Kementerian Pertahanan serta Angkatan Tentera Malaysia dan kerajaan Australia.

Rangka terbabit adalah milik 24 tentera Australia dan lapan ahli keluarga mereka yang mati ketika konfrontasi, darurat dan perperangan antara 1964 hingga 1968 selain penjawat awam yang bekerja di negara ini.

Suasana sewaktu upacara penyerahan rangka warga Australia di TUDM, Subang



Lawatan Media Ke KEM TERENDAK

Sempena Penyerahan Rangka Warga Australia



Pihak media didedahkan dengan lebih jelas berkenaan penyerahan rangka warga Australia

Timbalan Menteri Pertahanan & Tentera Darat Melawat Kampung Pos Dipang



KAMPAR, 6 JUN: Program Jiwa Murni yang dilaksanakan oleh Tentera Darat adalah program yang dilaksanakan sepanjang tahun dan tidak dikhurasukan di kawasan tententu sahaja. Justeru, tuduhan pembangkang yang mengatakan program itu hanya dilaksanakan sebagai alat bagi Barisan Nasional (BN) meraih undi pada Pilihan Raya Kecil (PRK) yang berlangsung ketika ini adalah tidak benar dan keterlaluan.

Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Johari Baharom, berkata pihaknya kesal kerana ada kalangan pemimpin pembangkang sewenang-wenangnya melemparkan tuduhan sedemikian bagi memberikan gambaran buruk kepada program yang dilaksanakan.

"Program Jiwa Murni bukan pertama kali dianjurkan oleh Tentera Darat tetapi dilaksanakan sepanjang masa di seluruh negara dan tidak hanya melihat kepada kawasan tertentu dan program ini dilaksanakan mengikut jadual yang sudah ditetapkan. "Sekiranya ketika program berlangsung terdapat program lain seperti PRK, ia hanya kebetulan dan ia bukan kerana pilihan raya. "Kalau kita tengok hari ini, program dibuat di luar kawasan pilihanraya, jadi kita tidak hanya sentiasa menumpukannya di kawasan PRK seperti Kuala Kangsar tetapi dianjurkan di merata-rata tempat," katanya selepas merasmikan Program Khidmat Masyarakat Tentera Darat di Sekolah Kebangsaan (SK) Pos Dipang, di sini hari ini. Yang turut hadir, Panglima 2 Briged, Brigadier Jeneral Mas'od Muhammad dan Tok Batin Kampung Pos Dipang, Bah Sermu Bah Udin. Mohd Johari berkata, program itu dilaksanakan bertujuan merakyatkan Tentera Darat dan merapatkan hubungan antara anggota dan masyarakat setempat serta diadakan di tempat yang bersesuaian.

Katanya, pihaknya memberi fokus terutama di kawasan pedalaman seperti perkampungan orang asli termasuk di Sabah dan Sarawak. "Di tempat berkenaan kita akan menjayakan projek membina jalan dan pelbagai program yang menyumbang kepada komuniti setempat, jadi dakwaan yang mengatakan projek ini khas dibuat kerana untuk pilihan raya tidak betul," katanya.

Pelbagai aktiviti turut diadakan sempena dengan Program Jiwa Murni ini.



Latihan Kuasa Tembak TD - Gemas 2016

GEMAS, 26 MEI – Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd Johari bin Baharum menyaksikan pertunjukkan “Weapon System Firepower Training” bertempat di Lapang Sasar Asahan, Kem Syed Sirajuddin, Gemas.

Beliau turut diberi penerangan sewaktu di dalam Trak Multiple Launcher Rocket System (MLRS) dan sempat beramah mesra dengan warga tentera dalam majlis yang sama.

Turut hadir ialah Panglima Tentera Darat, YM Jen Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor; Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pertahanan, Dato' Mohammad Foad bin Hj Abdullah; bersama pegawai-pegawai kanan tentera dan awam Kementerian Pertahanan.



KESIAPSIAGAAN

Pewujudan Pusat Pengujian Tropika STRIDE bermula dari tahun 2013 lagi, ianya merupakan cetusan idea daripada YB Menteri Pertahanan pada masa itu bagi mencapai matlamat membangunkan Pusat Pengujian Tropika STRIDE yang pertama di Asia Tenggara sebagai Centre Of Excellence. Inisiatif Maximising STRIDE yang merangkumi Pusat Pengujian Tropika merupakan inisiatif bold and radical di bawah Teras Strategik Kedua iaitu Merekayasa Organisasi bagi Pelan Transformasi Perkhidmatan Awam Kementerian Pertahanan manakala Teras Pertama bagi Program Hala Tuju 2016 di bawah Teras Kesiapsiagaan. Angkatan Tentera dari pelbagai negara telah berjaya mengharungi pelbagai tugas di bawah iklim tropika seperti dalam misi-misi pengaman Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Walaubagaimanapun mereka turut

PUSAT PENGUJIAN TROPIKA STRIDE



berdepan dengan masalah kegagalan peralatan ketenteraan seperti kenderaan, peralatan elektronik, pakaian, kasut dan peralatan personel yang lain akibat dari suhu dan kelembapan yang tinggi serta salt spray bagi operasi di persisiran pantai. Kesan dari kulat, mikroorganisma, reptilia, rodent, serangga kecil dan penyakit-penyakit bawaan tropika juga menyumbang kepada kegagalan tersebut dan memberi kesan kepada keupayaan fizikal dan kognitif anggota. STRIDE telah mengambil inisiatif menyeluruh dalam mengurangkan dan mencegah risiko kerosakan peralatan dan kesan negatif terhadap keupayaan fizikal serta kognitif anggota apabila terdedah kepada iklim tropika.

Penubuhan Pusat Pengujian Tropika membolehkan setiap peralatan ketenteraan yang akan dibeli dari luar negara diuji dalam persekitaran tropika supaya beroperasi pada peringkat optimum di persekitaran dan cuaca di negara ini serta manfaat ini akan dinikmati oleh negara-negara luar dan agensi-agensi yang terlibat. Sebagai sebuah jabatan di Kementerian Pertahanan, STRIDE bertanggungjawab menyediakan fasiliti tersebut dan mengoptimalkan penggunaan keupayaan dan kapakaran

sedia ada serta meningkatkan keupayaan ketenteraan bagi menangani masalah bawaan iklim tropika pada masa hadapan. Kepentingan Pusat Pengujian Tropika adalah seperti berikut:

- Meningkatkan keupayaan dan kepakaran dalam pelbagai kategori pengujian bagi memenuhi keperluan perolehan peralatan pertahanan pada masa akan datang
- Menyediakan fasiliti dan peralatan yang mencukupi bagi memenuhi permintaan pengujian dari dalam dan luar negara.

Strategi pelaksanaan Pusat Pengujian Tropika dengan pewujudan empat kluster iaitu Equipment & System, Weapon & Munitions, Human Performance dan Vehicle Mobility.

Pewujudan kluster ini membolehkan kepakaran pegawai penyelidik digabungkan mewujudkan task force dalam kluster-kluster tersebut. STRIDE akan bekerjasama dengan institut penyelidikan tropika tempatan dan antarabangsa bagi memastikan pengujian tropika yang dilaksanakan mematuhi piawaian dan mendapat pengiktirafan. Bagi tahun 2016 pembangunan Pusat

Pusat Pengujian Tropika wajar diwujudkan kerana 75% negara yang mempunyai konflik berada di garisan tropika, kejayaan sesuatu operasi ketenteraan bergantung kepada kejayaan trup dan peralatan yang mempunyai ketahanan kepada haba, kelembapan dan keadaan persekitaran landskap tropika dan kebanyakannya produk pertahanan berasal dari negara sejuk dan tidak diuji keupayaannya di negara tropika. Pusat Pengujian Tropika STRIDE bakal menarik pemain industri pertahanan serantau dan antarabangsa untuk menguji ketahanan produk mereka dengan persekitaran



- Memastikan setiap perolehan peralatan ketenteraan bagi Kementerian Pertahanan telah melalui peringkat pengujian yang lengkap dan penjimatan terhadap kerosakan peralatan dapat dilaksanakan.

Pelaksanaan inisiatif ini adalah berdasarkan kepada strategi berikut :

- Perkongsian maklumat serta kepakaran dari dalam dan luar.
- Perkongsian fasiliti pengujian dan modal insan dengan rakan strategik iaitu Angkatan Tentera Malaysia (ATM).
- Bersama Bahagian Industri Pertahanan (BIP) sebagai rakan strategik dalam mempromosikan Pusat Pengujian Tropika kepada industri pertahanan dan komersil tempatan serta luar negara.

Pengujian Tropika akan melibatkan perkara-perkara berikut:


- Pembangunan, pengesahan spesifikasi dan perolehan peralatan pengujian.
- Menjalankan analisis teknikal untuk mengenal pasti lokasi geografi untuk pengujian tropika
- Pengesahan Test Operations Procedure di lapangan.
- Penganjuran seminar bersama rakan strategik.
- Mempergiatkan usaha mempromosi Pusat Pengujian Tropika melalui pameran dan roadshow.
- Kerjasama teknikal dalam dan luar negara.

tropika. Ini secara tidak langsung mampu menjana pendapatan kerajaan dengan kadar bayaran yang dikenakan dan dana tersebut boleh digunakan untuk membayai projek R&D tempatan. Selain daripada itu, pembelian dan penghasilan produk yang mempunyai daya tahan tinggi terhadap persekitaran tropika dapat menjimatkan kos penyelenggaraan peralatan pertahanan. STRIDE sememangnya mempunyai kepakaran dalam kepelbagaiannya bidang serta mempunyai peralatan pengujian yang moden dan berteknologi tinggi.

Pengalaman pegawai penyelidik yang meluas dalam penilaian teknikal dan pengujian perolehan tender kerajaan. STRIDE juga mempunyai jaringan yang rapat antara dengan ATM dalam melaksanakan pelbagai jenis ujian ketenteraan.

TERAS KETIGA

Majlis Konvokesyen PERHEBAT Ke-43



Lembaga Pengarah, Ketua Pengarah dan seluruh warga PERHEBAT merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YB Menteri Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, yang telah merasmikan Majlis Konvokesyen PERHEBAT Ke 43 pada 17 Disember 2015 di Kompleks PERHEBAT, Kem Sungai Buloh. Kunjungan buat julung kalinya oleh YB Menteri ke PERHEBAT memberi impak yang amat signifikan dalam menyuntik semangat dan azam kepada veteran ATM untuk terus cemerlang dalam kerjaya kedua mereka.

Sejumlah 729 graduan terdiri daripada pesara ATM menerima Eksekutif Diploma Pengurusan dan Sijil Kemahiran. Berdasarkan pencapaian KPI PERHEBAT pada 2015, 534 bekas pelatih (52.9%) daripada 1,009 orang berjaya mendapat pekerjaan selepas 6 bulan tamat latihan di PERHEBAT.





Bagi tujuan penambahaikan urusan perkhidmatan kesihatan terutamanya pembekalan perubatan kepada warga Veteran Angkatan Tentera Malaysia, mulai 1 Mac 2016, Kementerian Pertahanan telah memperkenalkan Sistem e – MASS (Electronic Medical Automation Supply



PELAKSANAAN ELECTRONIC MEDICAL AUTOMATION SUPPLY SYSTEM (e-MASS) KEPADА VETERAN ATM

System) yang menyediakan lebih 1,000 pusat farmasi swasta di seluruh negara. Ianya bertujuan memudahkan warga Veteran ATM mendapatkan bekalan ubat yang telah disahkan oleh Pegawai Perubatan yang diiktiraf dengan cepat dan mudah tanpa memerlukan bayaran tunai. Kemudahan ini boleh dicapai oleh warga Veteran ATM di merata tempat tanpa memerlukan sesuatu perjalanan yang jauh. e-MASS merupakan sistem yang dikendalikan oleh Syarikat Oratis Rx Sdn Bhd yang berfungsi sebagai perantara bagi memudahkan pesara dan tanggungan yang layak mendapatkan bekalan dan alatan perubatan yang tidak dapat disediakan oleh Hospital/Klinik Kerajaan tanpa dikenakan sebarang bayaran.

Melalui sistem ini, pesara boleh mendapatkan bekalan ubat atau alatan perubatan dari rangkaian Farmasi Komuniti dan pembekal yang telah berdaftar dengan syarikat Oratis Rx Sdn Bhd di seluruh Malaysia berpandukan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Sehubungan itu, perjanjian tambahan kepada perjanjian perkhidmatan pembiayaan bagi ubat dan peralatan

perubatan pesara awam persekutuan telah ditandatangani di antara Kerajaan Malaysia dan Pihak Syarikat dalam sebuah Majlis yang telah diadakan pada 29 Februari 2016 di Jabatan Perkhidmatan Awam bagi membolehkan sistem e-MASS diperluaskan kepada Veteran ATM dan tanggungan yang layak.

Justeru, lebih 700 buah farmasi telah berdaftar dengan e-MASS di seluruh Negara bagi memberi kemudahan perubatan kepada Veteran ATM. Veteran ATM hanya perlu membawa Borang Perubatan 1/09, preskripsi doktor yang sah dari hospital atau klinik kerajaan serta sebutharga (bagi peralatan perubatan) untuk mendapatkan bekalan ubat atau peralatan perubatan dari Farmasi Komuniti/ pembekal tanpa perlu mengeluarkan wang atau membuat tuntutan semula bayaran perubatan daripada Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) ATM.

Dengan adanya kemudahan perubatan ini diharapkan dapat mempertingkatkan lagi taraf kesihatan Veteran dalam usaha



kerajaan untuk memastikan kesejahteraan Veteran sentiasa terjamin sebagai menghargai jasa dan sumbangan yang telah dicurahkan kepada negara tercinta.



KSU Agih Bubur Lambuk kepada Warga MinDef

Bersempena dengan bulan Ramadhan yang mulia, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi turut sudi menyampaikan bubur lambuk kepada warga kerja Kementerian Pertahanan di Foyer, Wisma Pertahanan.







Bubur lambuk atau lambut merupakan sejenis hidangan yang amat masyhur pada bulan puasa di Malaysia. Ia biasanya dimasak secara bergotong-royong di masjid-masjid untuk diagih-agihkan kepada para jemaah sebagai hidangan berbuka puasa.

Bubur lambuk diperbuat daripada beras dengan campuran rempah dan sayuran pucuk paku miding. Di Terengganu, selain daripada bahan biasa, kadang-kala kerepok keping mentah dan budu juga ditambah bagi menambah perisa, dan juga ubi keledek, udang kering dan lain-lain.

Sumber@Wikipedia



Kebajikan

MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN PERSEKOLAHAN KEPADА ANAK-ANAK ANGGOTA TENTERA OLEH PUAN SRI DATO' HAJjah UMI KALSON BT WAN AWANG



Puan Sri Dato' Hajah Umi Kalsom Bt Wan Awang bersama jawatankuasa BAKAT meraikan anak-anak anggota tentera yang menerima sumbangan bantuan persekolahan



Sejumlah 159 orang pelajar tahun satu S.K. Desa Tun Hussein Onn Kuala Lumpur telah menerima sumbangan bantuan persekolahan oleh Tabung Kebajikan Angkatan Tentera (TKAT) di Auditorium Wisma Pertahanan pada 23 Januari 2016 lalu.

Sumbangan telah disampaikan oleh Pengurus Jemaah Tertinggi BAKAT ATM Puan Sri Dato' Hjh Umi Kalsom bt Wan Awang. Majlis turut dihadiri oleh Jemaah Tertinggi BAKAT ATM serta ahli-ahli BAKAT dari ketiga-tiga perkhidmatan.





MAJLIS PELANCARAN PLKN **2.0**

Majlis Pelancaran PLKN 2.0 telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Pertahanan pada 24 April 2016 di Esplanade KLCC Park. Majlis ini adalah amat signifikan susulan kejayaan inisiatif mentransformasikan PLKN yang dilaksanakan sejak tahun lalu dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Unit Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), kementerian-kementerian yang berkenaan, agensi-agensi kerajaan, NGO-NGO dan lain-lain pihak.



- 24 April 2016
- Esplanade KLCC park
- Menteri Pertahanan
- 20,000 pelatih
- 8 minggu
- 79 Kem PLKN



TOLERANSI

DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN

Dalam membuat satu keputusan, anda tentu pernah berhadapan dengan pelbagai ragam pihak dan situasi... Mengalami perbezaan pendapat dengan mereka yang lain. Seperti dengan pasangan, kawan-kawan, rakan kerja mahupun ketua anda.

Hal ini biasa berlaku kerana manusia diciptakan memiliki perbezaan fikiran antara satu sama lain. Bagaimana kita hendak menanganinya? Terutama ketika anda perlu mengambil keputusan yang amat rumit. Sikap ego akan muncul yang menyebabkan timbulnya perpecahan dan pertengkaran. Sikap kita dalam mengambil keputusan memainkan peranan yang besar. Agar anda dapat mengatasinya diperlukan sikap yang arif dan bijaksana. Berberapa hal yang perlu anda lakukan ketika menghadapi perbezaan pendapat seperti ini, antara lain:

Hargai pendapat orang lain

Kadang kala kita merasa pendapat kita lah yang paling betul. Sikap seperti ini akan menyebabkan kita merasa sombang, angkuh dengan tidak menghargai pendapat orang lain. Apatah lagi orang itu ialah staf kita, atau orang yang status sosialnya lebih rendah daripada kita. Hal ini akan membuat orang lain sakit hati kerana merasa diri dikecilkan. Padahal belum tentu pendapat kita benar dan pendapat mereka salah. Oleh itu kita harus menghargai apa jua pendapat dari orang lain meskipun berbeza dengan kita. **Jika pendapat orang lain lebih baik dari kita, kita harus berani untuk menerimanya.** Dengan itu orang lain akan terasa dihormati dan kita juga akan mendapat kepercayaan untuk membuat keputusan.

Hilangkan sifat ego

Sifat ego sering kali menjadi perisai bagi diri kita. Orang yang ego pasti inginnya menang sendiri, hanya memikirkan kepentingannya sendiri tanpa mempedulikan orang lain. Apalagi ketika berbeza pendapat dengan orang lain, orang yang ego cenderung mengambil keputusan dengan sewenang-wenang.

Perkara ini tentunya sangat merugikan orang lain. Sikap ini perlu dilenyapkan kerana akan menjadi penghalang bagi diri sendiri. **Orang yang ego akan cenderung dipinggirkan oleh orang lain sehingga tidak memiliki teman. Pasti akan sangat merugikan diri sendiri jika kita tidak punya teman dalam kehidupan sosial kita.** Maka dari itu hilangkan sifat ego secepat mungkin, kita perlu berprasangka baik pada setiap pendapat yang ada meskipun berbeza dengan pendapat kita. Ini kerana boleh jadi pendapat orang lain jauh lebih baik daripada kita.

Berdiskusi sebelum membuat keputusan

Bermusyawarah sangat penting sebelum seseorang mengambil keputusan. Terutama keputusan yang tidak hanya menyangkut diri sendiri akan tetapi untuk orang ramai. Pasti akan ada beza pendapat dan akan muncul sifat ego daripada diri kita. Hargai setiap pendapat yang ada dan berilah toleransi kepada setiap pihak untuk mengungkapkan pendapatnya.

Dengan bermusyawarah, menimbang dan memikirkan pendapat yang ada bakal menghasilkan keputusan yang matang dan juga dapat diterima oleh semua pihak. Beza pendapat ialah hal biasa berlaku. Namun demikian kita harus berhati-hati dalam mengambil keputusan. Perbezaan pendapat akan berakhir dengan perpecahan jika tidak ditangani secara arif dan bijaksana. Bersikap toleransi untuk menghargai pendapat orang lain, menghilangkan sifat ego dengan mempedulikan kepentingan bersama dan bermusyawarah agar keputusan yang kita ambil ialah keputusan yang matang dan dapat diterima oleh semua pihak.





Logo EKSA Kementerian Pertahanan

Warna ungu

Melambangkan semangat kekeluargaan dan kerjasama yang erat di antara seluruh warga kerja dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.

Warna merah

Melambangkan keberanian, kepantasan dan kesungguhan seluruh warga kerja menyokong misi, visi dan objektif Kementerian Pertahanan.

Warna oren

Melambangkan budaya kerja kreatif dan inovatif serta penampilan imej yang ceria, bertenaga, dan dinamik dalam mengejar kecemerlangan.

Warna hijau

Melambangkan sikap seluruh warga kerja yang jujur dan optimis dalam mewujudkan suasana kerja yang kondusif dan menyokong pembudayaan amalan penjimatkan tenaga atau 'go green'.

Warna biru

Melambangkan kesejahteraan, kestabilan dan kesatuan antara seluruh warga kerja yang merentasi cawangan/bahagian tanpa mengira jawatan atau pangkat

APAKAH ITU EKSA?

EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

- PERSEKITARAN:** Kawasan di sekeliling sesuatu tempat
- KONDUSIF:** Keadaan yang selesa dan selamat dari segi tempat, peralatan dan ruang serta suasana kerja yang tenang.
- WARGA:** Penduduk atau penghuni. Dalam konteks ini membawa maksud pekerja dalam sebuah organisasi.
- PRODUKTIF:** Banyak mendatangkan hasil.

COGAN KATA: PERSEKITARAN KONDUSIF WARGA PRODUKTIF

Membawa maksud persekitaran kerja yang memainkan peranan penting dalam meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja seluruh warga Kementerian Pertahanan.

Persekuturan kerja yang harmoni, selesa dan selamat boleh meningkatkan semangat dan kesungguhan untuk melaksanakan yang terbaik dalam setiap tugas yang diamanahkan dan seterusnya meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan.



Majlis Pelancaran Anugerah EKSA & Pertandingan Tandas Terbersih

Kuala Lumpur, 12 Dis 2015 – Selaras dengan usaha memperkuatkukuhkan budaya organisasi berprestij tinggi dan inovatif dalam kalangan warga MinDef, Kementerian Pertahanan telah mengambil inisiatif untuk memperluaskan budaya yang telah dibentuk sejak Amalan 5S. lanya adalah melalui penjenamaan semula kepada Eksosistem Kondusif Sektor Awam.

Memetik ucapan YBhg. Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, secara khususnya, penjenamaan semula ini dilaksanakan bertujuan untuk membolehkan warga MinDef bekerja didalam persekitaran yang kondusif. Imej korporat yang ditonjolkan mampu menyemarakkan semangat untuk melaksanakan tugas dengan lebih baik.

Majlis Pelancaran Anugerah EKSA dan Pelancaran Pertandingan Tandas Terbersih merupakan antara aktiviti yang

dilaksanakan bagi menggalakkan warga MinDef membudayakan EKSA sebagai sebahagian daripada gaya hidup.

Di dalam majlis tersebut juga diumumkan pemenang Pertandingan Pejabat Terbaik bagi tahun 2015. Pemenang keseluruhan pertandingan telah dimenangi oleh Bahagian Akaun. Piala Pusingan serta wang tunai berjumlah RM 500.00 disampaikan oleh YBhg. Ketua Setiausaha kepada Tuan Hj Senin bin Yusof, Ketua Akauntan Kementerian Pertahanan.



Lawatan Penanda Aras oleh Universiti Teknologi Malaysia ke Kementerian Pertahanan

Kuala Lumpur, 25 Apr 2015 – Kementerian Pertahanan sekali lagi telah menjadi pilihan sebagai sebuah Kementerian bagi menanda aras amalan Ekosistem Kondusif Sektor Awam. Lawatan penanda aras tersebut adalah daripada sebuah institusi pengajian tinggi awam yang terkemuka iaitu Universiti Teknologi Malaysia.

Kumpulan lawatan telah dibawa ke Bahagian Pentadbiran Kementerian Pertahanan dan diselaraskan oleh Puan Surarizuana binti Selamat. Taklimat ringkas telah diberikan kepada para tetamu oleh Setiausaha Bahagian sendiri iaitu Puan Siti Normah binti Abdul Aziz serta diperincikan lagi oleh Q Manager EKSA iaitu Encik

Hadiman bin Simin.

Lawatan ke zon-zon EKSA memberi peluang kepada para tetamu untuk melihat sendiri contoh amalan EKSA yang telah diterapkan kepada warga MinDef.

Lawatan diakhiri dengan sesi soal-jawab dan pertukaran cendera kenangan.



Lawatan Penanda Aras oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) ke Kementerian Pertahanan

Kuala Lumpur, 25 Apr 2015 – Kementerian Pertahanan baru-baru ini telah menerima lawatan daripada Kementerian Wilayah Persekutuan. Kumpulan lawatan daripada Putrajaya ini merupakan sebuah lawatan penanda aras bagi amalan Ekosistem Kondusif Sektor Awam. Mereka telah memilih MinDef disebabkan pengiktirafan yang diberikan oleh MAMPU serta kredibiliti warga MinDef yang sememangnya mengamalkan EKSA.

Lawatan penanda aras ini diselaraskan oleh Puan Surarizuana binti Selamat dan dibawa ke Bahagian Pentadbiran Kementerian Pertahanan. Taklimat lawatan diberikan oleh Setiausaha Bahagian iaitu Puan Siti Normah binti Abdul Aziz.

Para tetamu dibawa melawat ke zon-zon EKSA dan diakhiri dengan sesi soal-jawab.



Santapan Rohani...

Keseronokan hidup di dunia akan tergugat dengan datangnya Malaikat Maut yang mencabut keluar roh daripada jasad. Pada ketika itu, berakhirlah segala kesenangan dan kemewahan lalu berpisahlah kita daripada orang yang dikasihi dan harta benda yang disayangi. Mati membuktikan bahawa pada hakikatnya kita tidak pernah memiliki apa-apa. Ia turut membangkitkan dan menyedarkan kita daripada angan-angan yang panjang mengenai nikmat hidup yang tidak berkekalan. Saidina Ali bin Abu Talib r.a pernah mengungkapkan bahawa manusia semuanya sedang tidur. Apabila mereka mati barulah mereka sadar.

LALAI & LEKA MENCARI KEMEWEHAN DUNIAWI: PERSEDITION MENGHADAPI ALAM KUBUR



Kelalaian dan kelekaan hidup di dunia yang penuh dengan permainan, hiburan, keseronokan, keselesaan dan kemewahan boleh menyebabkan kegagalan menyiapkan persediaan untuk kematian dan hari akhirat. Hal ini ditegaskan oleh Allah SWT melalui firman-Nya yang bermaksud:

“Kamu telah dilalaikan (daripada mengerjakan amal bakti) oleh perbuatan berlumba-lumba untuk mendapat dengan sebanyak-banyaknya (harta benda, anak-pinak pangkat dan pengaruh), sehingga kamu masuk kubur”. (At-Takathur: 1-2)

Keyakinan terhadap alam barzakh atau alam kubur mampu menyedarkan manusia untuk bertanggungjawab dalam menjalani kehidupan sekarang ini untuk menempuh perjalanan hidup yang panjang lagi kekal di akhirat. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan tidak (dinamakan) kehidupan dunia melainkan permainan yang sia-sia dan hiburan yang melalaikan: dan demi sesungguhnya negeri akhirat itu lebih baik bagi orang yang bertakwa. Oleh itu, tidakkah kamu mau berfikir?” (Al-An'am: 32)

Syeikh Said Hawwa r.h telah menyatakan bahawa mengingati mati sebagai salah satu cara berkesan untuk menyucikan jiwa manusia dari kotoran sifat mazmumah lagi tercela. Dengan

mengingati mati, bukan sahaja boleh menimbulkan rasa sesal di atas dosa yang dilakukan, malah ia boleh melahirkan ketakutan untuk meneruskan perbuatan yang dilarang oleh Allah SWT.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a bahawasanya Rasulullah SAW telah ditanya: “Siapakah di kalangan mukmin yang paling bijak? Rasulullah SAW menjawab dengan sabda yang bermaksud: “Mereka yang paling banyak mengingati mati dan yang paling baik persediaannya untuk selepas daripada mati, mereka itulah orang yang bijak”. (Riwayat Ibnu Majah)

Menurut Imam Al-Ghazali r.h, manusia terbahagi kepada dua golongan apabila berhadapan dengan kematian:

Pertama: Golongan yang tenggelam dengan dunia dan hiburan serta kemewahan. Mereka amat takut dengan mati kerana terlalu kasih dan cintakan dunia. Kalau boleh mereka langsung tidak mahu ingatkan mati. Kalau ingat pun mereka akan berusaha mengeluarkan tenaga dan wang ringgit untuk memastikan boleh hidup lama, mereka terlalu bimbang memikirkan bagaimana hartanya akan digunakan oleh anak-anaknya nanti.

Kedua: Golongan yang apabila terdengar tentang kematian atau tazkirah yang bersangkutan dengan



kematian akan timbul rasa takut dan bimbang akan nasib di alam kubur. Kesannya mereka akan bertaubat dan berusaha menjauhkan diri dari maksiat dan mendekatkan diri kepada Allah Taala. Dalam masa yang sama mereka tidak meninggalkan dunia kerana mengingati mati itu menjadikan mereka sangat mengambil berat tentang ibadah dan ilmu pengetahuan. Hasilnya mereka memahami Islam yang sebenar yang menyuruh umatnya bekerja untuk dunia dan akhirat.

Diberitakan bahawa Ibnu Mu'ti r.h, apabila tercetus di dalam hatinya tentang rasa kagum melihat rumah besar dan harta benda, beliau terus menangis dan berkata: "Kalau tiada kematian, aku akan mencintaimu dan gembira sekali dengan rumah besarku. Andai kita tidak memasuki lubang kubur yang sempit, tentu mata kita akan selalu terpesona dengan kemewahan dunia".

Imam Syaddad r.h pernah berkata: "Kematian adalah sesuatu yang paling menakutkan bagi mukmin di dunia, maut lebih sakit daripada digunting, digergaji dan dicampak ke dalam kawah yang menggelegak. Andai kata mereka yang telah meninggal dunia dibangkitkan dan menceritakan kepada

orang yang hidup, nescaya tidak akan ada orang yang mengambil berat tentang dunia dan tidak akan ada orang yang akan dapat tidur lena".

Satu contoh yang sangat baik untuk diteladani ialah Khalifah Umar bin Abdul Aziz yang terkenal sebagai pemimpin yang kuat pegangan agamanya. Boleh dikatakan saban minggu beliau menjemput para ulama berhimpun di istana untuk memberikan tazkirah kepadanya tentang kematian. Setiap ulama diberikan kebebasan menegur dan menyentuh tentang keperitan mati dan azab di alam barzakh.

Biasanya majlis itu akan diakhiri dengan tangisan khalifah kerana beliau bimbang dan takut akan azab yang menunggu sekiranya berlaku sebarang kezaliman di dalam pemerintahannya. Hasilnya, pemerintahan beliau telah berjaya menegakkan kembali kegemilangan pemerintahan Islam meskipun hanya sempat berkuasa selama dua setengah tahun. Setiap hari ada sahaja maksiat yang dihapuskan dan syariat yang ditegakkan. Natijahnya maksiat terus berkurangan manakala syariat Islam dapat dilaksanakan dalam tempoh yang singkat.

Antara langkah yang boleh diambil untuk mengingati mati supaya jiwa

sentiasa suci dan bersih adalah seperti berikut:

- 1. Ingat kepada rakan atau sahabat yang telah mati.** Mungkin sahaja umur mereka sebaya dengan kita atau penyakit yang mereka hidapi pun sama dengan kita, bilakah pula giliran Malaikat Maut akan menjemput kita.
- 2. Ingat bagaimana keadaan mereka ketika mati.** Ada yang disebabkan penyakit buah pinggang, darah tinggi, kencing manis atau lemah jantung dan sebagainya. Cuba tanya diri kita, apakah kita betul-betul sihat dan tidak akan menghadapi penyakit seperti ini. Atau ada yang ditimpa kemalangan secara tiba-tiba. Apakah kita boleh terselamat dari kemalangan seumpama itu?
- 3. Bayangkan kehidupan mereka sebelum mati.** Ada yang mati dalam keadaan baik kerana pada penghujung hayatnya ia menjadi ahli masjid dan dekat dengan Allah Taala. Ada yang kita dapat lihat jenazah dengan wajah yang tenang bertemu dengan Allah Taala. **Ada juga sahabat yang meninggal tetapi hayatnya penuh dengan maksiat. Lihatlah wajahnya yang penuh dengan tanda azab dan kengerian.**



4. Ziarahi orang yang sakit dan nazak. Lihat bagaimana azabnya sakaratul maut dan betapa seksanya berhadapan dengan saat kematian.

Akhirnya, sedarlah bahawa kematian pastinya akan menjenguk kita. Sama ada kita pemimpin atau rakyat, kaya atau miskin, tua atau muda, sihat atau sakit. Oleh itu segeralah bertaubat. **Bagi yang sering melakukan maksiat seperti minum arak, meninggalkan solat, berzina, rasuah, berjudi dan sebagainya maka tinggalkanlah segera sebelum terlambat agar tidak menyesal apabila dimasukkan ke dalam liang lahad kelak. Selesaikanlah segala tanggungjawab dan kewajipan kita. Hutang kepada Allah dan Rasul-Nya, juga sesama manusia hendaklah diselesaikan sebelum kematian menjemput kita.** Semoga dengan mengingati kematian dan sentiasa bersedia menghadapinya, boleh menyucikan hati dan jiwa kita semua.

Persiapan dan persediaan untuk menghadapi kematian dan perjalanan akhirat akan menjadi keutamaan sekiranya jiwa dilitupi keimanan dan akal sentiasa berpandangan jauh untuk memperoleh kebahagiaan yang hakiki lagi abadi. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati, dan bahwasanya pada hari kiamat sahaja lah akan disempurnakan balasan kamu. Ketika itu sesiapa yang dijauhkan dari neraka dan dimasukkan ke syurga


maka sesungguhnya ia telah berjaya dan (ingatlah bahawa) kehidupan di dunia ini (meliputi segala kemewahannya dan pangkat kebesarannya) tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang-orang yang terpedaya”. (Ali-Imran: 185)

Hendaknya kita tidak lalai dan leka daripada matlamat perjalanan untuk menuju ke akhirat. Jangan terpedaya dengan kemewahan dan kesenangan dunia yang sementara. Jadilah seorang pengembara akhirat yang hanya mencari bekalan ketakwaan untuk dibawa kembali kepada Allah SWT dalam melaksanakan bisnes yang tidak akan rugi sama sekali. Ingatlah pesanan Ibnu Umar r.a yang berkata: “Jika engkau berada di waktu petang, maka janganlah engkau menunggu pagi. Dan jika engkau berada di waktu pagi maka janganlah engkau menunggu petang. Gunakanlah waktu sihatmu sebelum datang waktu sakit. Dan gunakanlah waktu hidupmu sebelum datang waktu mati”.

Firman Allah SWT yang bermaksud: “... dan hendaklah kamu membawa bekal dengan cukupnya kerana sesungguhnya sebaik-baik bekal itu ialah ketakwaan iaitu memelihara diri (dari keaiban meminta sedekah); dan bertakwalah kepada-Ku wahai orang yang berakal (yang dapat memikir dan memahaminya)”.

(Al-Baqarah: 197)

*Mej Mohd Ramizi bin Remli
Ketua Unit Penerbitan
Jabatan Arah KAGAT*



Khidmat Pelanggan MinDef

“Terbaik Dari Kami!”



Kementerian Pertahanan Malaysia (MinDef) berhasrat untuk menjadi organisasi bertaraf dunia dalam penyampaian perkhidmatan menjelang tahun 2020. Bagi mencapai hasrat tersebut, satu profil pelanggan perlu dirangka bagi mengenalpasti keperluan dan ekspektasi pelanggan yang terdiri daripada pelbagai kategori dengan tepat.

Pelanggan merupakan salah satu aset utama MinDef dan mempunyai kepentingan yang sangat besar dalam menentukan imej serta tahap sistem penyampaian perkhidmatan awam di semua jabatan dan agensi MinDef. Ini bertepatan dengan Misi Kenyataan Pelanggan MinDef: “PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA” dimana misi ini selaras dengan Dasar Pertahanan Negara.

Khidmat pelanggan di Kementerian Pertahanan Malaysia (Mindef) kini diberi tumpuan sepenuhnya bagi meningkatkan lagi hubungan antara organisasi dan pelanggan. Ia secara tidak langsung memenuhi kehendak dan ekspektasi pelanggan yang semakin meningkat. Kualiti perkhidmatan pelanggan adalah satu

pendekatan holistik untuk menawarkan perkhidmatan melalui pengurusan interaksi dan perhubungan yang cekap antara organisasi.

Pendekatan ini memberi fokus kepada penyampaian perkhidmatan yang berteraskan keperluan pelanggan di mana pelanggan diberi layanan sebagai individu bukannya sebagai salah satu komponen dalam proses penyampaian perkhidmatan. Maklumbalas pelanggan turut diambil kira dalam menambah baik kualiti perkhidmatan yang disediakan bagi memenuhi kehendak dan memberi kepuasan kepada mereka.

Kementerian pertahanan melalui unit komunikasi strategik sentiasa berusaha untuk meningkatkan kecekapan dan mutu keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan kepada semua pelanggannya. Selain itu, khidmat kaunter turut diambil perhatian ialah perkhidmatan operator, kualiti layanan kakitangan, kemudahan yang disediakan serta pengurusan aduan awam. Kementerian Pertahanan Malaysia (Mindef) akan memberi layanan yang terbaik kepada semua pelanggannya.



Antara booth agensi dibawah Kementerian Pertahanan sewaktu jelajah khidmat pelanggan diadakan



RADIO MINDEF

“1 Jam Kami Bersiaran”

Jarum jam sudah menunjukkan tepat pukul 1 tengah hari. Waktu yang ditunggu-tunggu oleh setiap warga Wisma Pertahanan kerana waktu itulah waktu rehat bermula. Sedang mereka asyik menjamu selera, ketika itulah radio mindef yang dilangsungkan dari tingkat enam unit Komunikasi Strategik menemui warga MINDEF melalui pembesar suara di setiap tingkat bangunan Wisma Pertahanan.

Radio Mindef yang dikendalikan oleh dua orang juruhebah (DJ) iaitu Sarjan Zaini dan Koperal Nazrul yang petah berbicara mula menemani warga Wisma Pertahanan setiap Isnin hingga Khamis dari jam 1 tengah hari hingga 2 petang. Pilihan genre muzik yang diputarkan bersifat universal, pelbagai dan mesra pendengar. Radio mindef turut mampu menarik minat pelbagai peringkat umur dan bangsa yang selari dengan demografi warga kerja mindef yang terdiri daripada pelbagai kaum yang bertugas sebagai anggota tentera dan kakitangan awam di Wisma Pertahanan.

Radio Mindef bukan sahaja berfungsi sebagai medium hiburan, malah ia turut menjadi platform bagi persatuan-persatuan mahupun bahagian di kementerian contohnya seperti PUSPANITA (Persatuan Suri & Anggota Perkhidmatan Awam Malaysia),

KAKEP(Kelab Kakitangan Awam Kementerian Pertahanan), BPSM (Bahagian Pengurusan Sumber Manusia) menyampaikan informasi dan pengumuman berkenaan apa jua perkara yang melibatkan seluruh warga kerja Wisma Pertahanan. Ia juga menyajikan bacaan doa kepada warga Wisma Pertahanan pada jam 8 pagi dan 5 petang setiap hari.

Berbekalkan slogan “RADIO MINDEF, MEDIUM INFORMASI ANDA” DJ radio sering kali mengulas dan berbicara mengenai isu-isu semasa yang berlaku di negara kita melalui media masa - akhbar harian tempatan. Warga mindef turut boleh berhubung dengan pihak Radio melalui mesej Facebook Radio Mindef untuk tujuan permintaan lagu dan ucapan kepada rakan-rakan kerja di Wisma Pertahanan.



Dengan kewujudan radio mindef ini, ia juga dapat mencungkil bakat-bakat terpendam kakitangan Mindef dalam aspek juruhebah dan penyampaian radio. Gaya penyampaian DJ radio Mindef yang bersahaja dan santai mampu merehatkan minda dan menghiburkan semua warga kerja di Wisma Pertahanan selama 1 jam bersiaran. Radio MinDef, “ Saluran Informasi Wisma Pertahanan ”.



CERIA........DJ Kpl Nazrul (kiri) dan DJ Sjn Zaini menghiburkan warga Wisma Pertahanan selama satu jam bersiaran

LAWATAN MENHAN KE SARAWAK

Pada Februari 2016, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein telah mengadakan lawatan tiga hari ke Sarawak bagi meninjau askpek kebajikan para anggota dan veteran tentera serta hal ehwal keselamatan di Sarawak. YB MENHAN telah melakukan lawatan secara terperinci di beberapa buah kawasan seperti di Kem Penrissen, meninjau perumahan anggota, melawat proses penyerapan anggota sukarela Askar Wataniah dari Rejimen 511 Askar Wataniah untuk menyertai pasukan baru 31 Briged Rejimen Sempadan di Kem Ria dan mengadakan pertemuan dengan veteran tentera yang menetap di Sarawak.

Beliau mengumumkan bahawa sepanjang RMK-11, sebanyak RM1.2 bilion akan diperuntukkan bagi pembinaan 4,000 unit Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) di 11 loksai di seluruh Negara. Selain inisiatif RKAT, Kementerian Pertahanan akan menaiktaraf Rumah Sakit Angkatan Tentera (RSAT) dan Pusat Pergigian Angkatan Tentera (PGAT) di Kem Penrissen melibatkan kos penaiktarafan berjumlah RM35 juta.

Dalam masa yang sama, YB MENHAN turut berkesempatan mengadakan kunjungan hormat ke atas Ketua Menteri Sarawak, YAB Datuk Patinggi Tan Sri Dr. Haji Adenan bin Haji Satem bagi membincangkan pengukuhan kerjasama di antara Kementerian Pertahanan dan Kerajaan Negeri Sarawak untuk memperkasakan agenda kebajikan tentera dan keselamatan di Sarawak.



Menteri Pertahanan bersama Ketua Menteri Sarawak serta VIP MinDef

YAB Ketua Menteri dianugerahkan pangkat Brigadier Jeneral Kehormat Askar Wataniah oleh Majlis Angkatan Tentera serta dilantik sebagai Penaung Jawatankuasa Pendukung Askar Wataniah Se-Malaysia (JAKPAW) Negeri Sarawak.

Pada keesokan harinya, YB MENHAN bersama kepimpinannya meninjau 2 program utama Kementerian Pertahanan iaitu lawatan ke Pos Gabungan bersama ATM dan Tentera Nasional Indonesia serta Program Jiwa Murni, Civic Action Programme (CAP). Kerjasama ATM-ATNI ini dilaksanakan khas untuk membanteras jenayah rentas sempadan khususnya penyeludupan dan penyalahgunaan dadah serta penyusupan pendatang asing tanpa izin (PATI).

Kementeriaan Pertahanan melalui ATM telah melaksanakan satu operasi khas iaitu OP ZON SARAWAK bagi terus memperkuuhkan keselamatan dan kedaulatan Negara di persempadanan darat Malaysia khususnya di Sarawak-Indonesia (Kalimantan). Melalui operasi khas ini, terdapat 3 buah Op yang telah beroperasi iaitu Op Awas, Op Jagakawan dan Op Keris Parang.

**“Bagi memperkuuhkan lagi usaha mengawal persempadanan dan keselamatan negara, hari ini saya ingin mengumumkan 31 Brigid Sempadan bagi meningkatkan keupayaan tempur dan mengimbangi bebanan tugas pasukan-pasukan infantri di Sabah dan Sarawak serta penguasaan sempadan daratan sepanjang 2,019.5 km di antara Sabah/Sarawak-Kalimantan”.
Brigid ini akan mengandungi 5 buah batalion RS (rejimen Sempadan) di bawahnya. 5 buah batalion ini akan ditempatkan dari utara hingga selatan bagi mengawal perbatasan (Kalimantan Barat dan Kalimantan Timor).**

Penubuhan 31 Brigid ini membuka peluang 1,021 anggota dari askar wataniah (askar sukarela) diserap sebagai askar sepenuh masa di bawah briged ini. Mereka juga mendapat faedah seperti askar lain termasuk dari segi gaji bulanan, elauan dan kemudahan-kemudahan lain.

Jumlah ini akan meningkat secara berperingkat bagi memenuhi keperluan dan kekuatan penuh anggota keseluruhan briged iaitu 5,626 orang dan secara tidak langsung, ia mewujudkan peluang pekerjaan tetap.

Selepas melawat pos gabungan, saya melihat secara dekat pelaksanaan Program Jiwa Murni di Kg Jangkar Biawak, di mana pihak ATM telah mengaturgerak Civic Action Team (CATS) untuk memberi perkhidmatan Basic Medical Support.



Program ini merupakan salah satu pendekatan untuk memberi khidmat kesihatan kepada rakyat yang tinggal jauh dari kemudahan perubatan yang disediakan oleh Kerajaan. Tumpuan diberikan kepada pemeriksaan kesihatan dan rawatan pergi gigian serta aktiviti ketenteraan lain. Sejak 1 April tahun lalu, seramai lebih kurang 5,500 orang awam di Sarawak telah menerima rawatan perubatan manakala seramai lebih kurang 2,500 orang telah menerima rawatan pergi gigian. Lokasi lain program ini ialah Kuching, Samarahan, Betong, Mukah, Bintulu dan Seri Aman. Hari ketiga adalah hari terakhir lawatan YB Menhan dan kepimpinannya. Bagi menutup tirai lawatan kerja ke Sarawak, YB Menhan telah mengadakan lawatan ke makam pahlawan bagi memberi penghormatan serta menghargai jasa-jasa perwira Negara yang telah berkorban dan berjuang mempertahankan kedaulatan Negara.

Makam ini menyemadikan 23 orang perwira Negara di mana 21 rangka ‘Bujang Berani; yang terdiri daripada Iban Trackers dan Sarawak Rangers, Temenggong Datuk kanang Ak langkau dan ASP Michael Padel. ASP Michael Padel terbunuh semasa peristiwa pencerobohan di Lahad Datu pada tahun 2013.

“Saya akan terus berusaha memastikan nasib, maruah dan kebajikan veteran tentera dan keluarga mereka terus terbaa sebagai menghargai sumbangan dan pengorbanan yang mereka curahkan kepada tanah air selama ini,” kata YB Menhan. Selepas menziarahi Makam Pahlawan, YB MENHAN meluangkan masa melawat Kolonel (bersara) Dunstan Nyaring Ak Angking di



Hospital Umum Sarawak, Kuching. Beliau adalah veteran tentera yang pernah berkhidmat selama 27 tahun dalam ATM. Beliau kini berusia 73 tahun dan dijangkiti kuman dikaki (kaki dipotong). Semasa perkhidmatannya, beliau adalah anak pribumi Sarawak yang pertama menjawat jawatan Kolonel sekitar tahun 1980-an. YB MENHAN turut berpeluang untuk melawat salah sebuah rumah 1Malaysia Veteran Home Repair (1MVHR) di Kg Sikog, Padawan, Kuching dan bertemu dengan veteran-veteran ATM.

Pendekatan yang dilakukan ini membuktikan bahawa kerajaan sentiasa mengambil berat soal keselamatan dan pertahanan Negara. Ia juga sekali gus menyerlahkan penghargaan kerajaan kepada pegawai dan anggota ATM serta keluarga mereka, atas jasa, keringat, pengorbanan serta sifat profesionalisme yang mereka sumbangkan kepada Negara selama ini.

YB MENHAN juga menegaskan bahawa lawatan ke Sarawak bukanlah yang pertama dan terakhir kalinya pada tahun ini. Ia akan dilakukan secara semasa ke semasa bagi memastikan arahan dan pendekatan yang telah beliau umumkan dapat dilaksanakan berterusan. Beliau juga turut mengesahkan bahawa kesiapsiagaan ATM di Sarawak kekal utuh selain semangat para anggota kita yang begitu tinggi tanpa berbelah bahagi untuk berhadapan dengan sebarang ancaman.

KEBAJIKAN

Kementerian Pertahanan sentiasa memberi tumpuan untuk menambah baik soal kebajikan dan sosioekonomi anggota tentera serta keluarga mereka selain memfokuskan usaha memperkasakan aset pertahanan negara.

Aspek kebajikan anggota dan veteran tentera merupakan salah satu daripada lima teras yang telah diputuskan untuk diberi tumpuan dalam Retreat Kementerian Pertahanan. Empat lagi Teras tersebut ialah Kesiapsiagaan Aset ATM, Keselamatan Negara, Diplomasi Pertahanan dan Transformasi Program Latihan Khidmat Negara (PLKN).

Mindef memberi tumpuan pelbagai aspek yang membawa manfaat untuk anggota dan veteran serta keluarga mereka seperti perumahan, sistem payband, perluasan penggunaan bas sekolah, menambahbaik bantuan pendidikan, meningkatkan kualiti dan kemudahan kesihatan dan lain-lain lagi.

Antara usaha kerajaan adalah dalam memastikan keselesaan pendidikan anak-anak anggota ke sekolah seperti menggunakan bas dan tidak lagi menaiki trak tiga tan, menyediakan kemudahan perumahan untuk anggota serta menaik taraf kem-kem tentera. Lawatan dan pertemuan di Kem Penrissen oleh Menteri Pertahanan, Dato Seri Hishammuddin Tun Hussein antara permulaan dalam menilai aspek kebajikan anggota melalui tinjauan perumahan anggota, dan mengadakan pertemuan dengan veteran tentera yang menetap di Sarawak.

Bagi memastikan para anggota dan keluarga dapat menikmati kemudahan tempat tinggal yang kondusif dan selesa, Kementerian Pertahanan melalui peruntukan RMK-11 menyediakan pembinaan unit Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) di 11 lokasi di seluruh negara.





Sebanyak 4000 unit rumah disediakan, 917 daripadanya melibatkan pembinaan di 5 lokasi kem di Sarawak termasuk peruntukan sebanyak RM18.357 juta untuk Projek Senggaraan RKAT di seluruh negara.

Di samping itu, peruntukan sebanyak RM3.57 juta telah disalurkan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi membaikpulih dan menyelenggara kuarters milik ATM di Sarawak iaitu di bawah program National Blue Ocean Strategy (NBOS) My Beautiful Malaysia 2016.

Selain inisiatif RKAT, Kementerian Pertahanan akan menaiktaraf Rumah Sakit Angkatan Tentera (RSAT) dan Pusat Pergigian Angkatan Tentera (PGAT) kepada sebuah 'Poliklinik'.

Selain memberikan perkhidmatan kesihatan dalam suasana yang lebih baik untuk para anggota dan keluarga serta pesara tentera amnya dan juga di Kem khasnya secara tidak langsung menggabungkan kedua-dua perkhidmatan ini di bawah satu bangunan bagi menjimatkan kos pembinaan dan operasi bagi RSAT dan PGAT.

Kos sara hidup anggota dan keluarga mereka perlu diambil kira sejajar dengan keringat yang dicurah untuk menjaga keselamatan negara.

Bagaimana nak berjuang dengan keadaan hati tidak tenteram bila memikirkan keluarga dalam keadaan tidak dibela, ia mengurangkan semangat untuk mempertahankan negara.

Keselesaan dan kesempurnaan hidup akan meningkatkan kualiti perkhidmatan serta produktiviti setiap anggota.

Selain itu, keutamaan turut perlu diberi perhatian terhadap kebajikan veteran tentera termasuk memberi penghormatan dan menghargai jasa-jasa perwira negara yang telah berkorban dan berjuang mempertahankan kedaulatan negara.

Menziarah ke makam-makam pahlawan dan melawat pesara tentera yang mendapat rawatan di hospital antara inisiatif yang memaparkan keperihatinan kepimpinan tertinggi ATM dalam memastikan ia terus dijaga dan dipelihara.

Antaranya lawatan Hishammuddin ke Makam Pahlawan di Sarawak malah sempat meluangkan masa melawat Kolonel (bersara) Dunstan Nyaring Ak Angking di Hospital Umum Sarawak. Anak peribumi Sarawak yang pertama menjawat jawatan Kolonel sekitar tahun 1980 ini telah berkhidmat selama 27 tahun dalam ATM, kehilangan kakinya selepas dijangkiti kuman dikaki. Beliau yang kini berusia 72 tahun itu melahirkan rasa bersyukur atas keperihatinan pemimpin tertinggi ATM keatas veteran tentera yang mengalami nasib yang sama seperti.

Pendekatan ini membuktikan dan menyerlahkan penghargaan kerajaan kepada pegawai dan anggota ATM serta keluarga mereka, atas jasa, keringat, pengorbanan serta sifat profesionalisme yang mereka sumbangkan.



Selain itu, dalam usaha mengeratkan hubungan tentera dan masyarakat awam, pihak ATM turut melaksanakan Program Jiwa Murni iaitu pelaksanaan Civic Actions Programme (CAP) di Kg Jangkar Biawak yang membawa konsep penyaluran perkhidmatan secara terus selain pendekatan untuk memberi khidmat kesihatan kepada rakyat yang tinggal jauh dari kemudahan perubatan yang disediakan oleh kerajaan.

Program Jiwa Murni yang dilaksanakan sejak 1 April 2015 itu merupakan antara salah satu program utama Kementerian Pertahanan dimana pihak ATM telah mengatur gerak Civic Action Team (CATS) untuk memberi perkhidmatan Basic Medical Support. Seperti program di Kg Jangkar Biawak yang banyak diberi tumpuan dalam pelaksanaannya kepada pemeriksaan kesihatan dan rawatan pergigian serta aktiviti ketenteraan lain seperti pameran senjata dan pengambilan askar wataniah.

Turut di muatkan dalam agenda lawatan Hishammuddin ke Sarawak adalah melawat proses penyeronan anggota sukarela Askar Wataniah dari Rejimen 511 Askar Wataniah bagi menyertai pasukan baru 31 Briged Rejimen Sempadan Kem Ria memperkuuhkan lagi keselamatan Sarawak.

Hal ini kerana penubuhan ini dilihat mampu meningkatkan keupayaan tempur dan mengimbangi bebanan tugas pasukan –pasukan infantri di Sabah dan Sarawak serta penguasaan sempadan daratan sepanjang 2,019.5km di antara Sabah/Sarawak – Kalimantan.

Inisiatif yang diambil ini secara tidak langsung mewujudkan peluang pekerjaan tetap berikutnya penyeronan anggota – anggota dari Sarawak ke Briged ini bagi mengekalkan ‘local knowledge’ penduduk tempatan.

Istilah ‘benteng negara’ harus diterjemahkan dalam bentuk dasar dan program yang boleh menaikkan kebajikan anggota-anggota tentera dan memastikan kebajikan keluarga mereka terjamin.

Pelbagai lawatan dan program akan dilakukan bagi memastikan pendekatan yang dimulakan dapat dilaksanakan dengan baik dan berterusan malah inisiatif yang diharap dapat meningkatkan kualiti kehidupan dan kebajikan ini akan diperluas ke seluruh negara jika ianya berjalan dengan baik.



KEMPEN

TABUNG PAHLAWAN

2016

HULURKAN SUMBANGAN ANDA

CIMB 8602-700-401
PERSATUAN VETERAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA
MBB 564717521826

DEMI PERWIRAKU
SEKECIL MANAPUN, BESAR PENGERTIANNYA

WWW.MOD.GOV.MY

ANNUAL KERASAHAN KUMPULAN UTUSAN

PERKHIDMATAN KUMPULAN UTUSAN

PERKHIDMATAN KUMPULAN UTUSAN

Sudut informasi

Kementerian Pertahanan & ATM

Sudut informasi merupakan satu ruang yang disediakan khas kepada orang ramai khususnya bagi mereka yang berurusan dengan sesuatu agensi atas pelbagai perkara.

Lazimnya, sudut informasi dipaparkan dengan bahan-bahan bacaan umum berkenaan latar belakang sesuatu organisasi serta berita-berita semasa yang berlaku. Terdapat juga agensi yang menggunakan paparan gambar-gambar majlis sebagai daya tarikan pada sudut informasi mereka.

Di foyer Wisma Pertahanan, terdapat dua ruang khas yang disediakan khusus untuk pelanggan yang berurusan dan pelawat mendapatkan informasi lengkap berkaitan fungsi dan operasi Kementerian Pertahanan serta berita-berita semasa Kementerian. Ia dibahagikan kepada dua bahagian iaitu:

Sudut Informasi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) – Khusus mengenai ATM meliputi Tentera Darat, Laut, Udara dan Mekanikal Angkatan Bersama (MAB)

Mengapa perlu wujudnya sudut informasi? Adakah ia masih relevan kepada pelanggan dan pelawat?

Sudut Informasi Kementerian Pertahanan

- Mengenai Pengurusan Tertinggi Kementerian Pertahanan dan bahagian-bahagian di bawahnya serta agensi-agensi di bawah kementerian.

Pelbagai medium dan bahan digunakan bagi menarik minat umum dalam penyampaian informasi yang lebih berkesan contohnya seperti paparan pelbagai foto-foto majlis semasa, keratan-keratan akhbar semasa, bahan-bahan penerbitan Kementerian Pertahanan dan ATM semasa.

Menggunakan pendekatan ‘Mesra Pelanggan, Anda Kami Utamakan’ dalam konsep persembahannya, satu jawatankuasa khas sudut informasi ini telah ditubuhkan bagi memastikan

ia sentiasa mampu menepati objektif kementerian. Kepelbagaiannya turut ditekankan bagi menjadikan ia sesuatu yang unik dalam mengetahahkan informasi menggunakan medium yang variasi.

Disiplin dalam memastikan setiap ruang sentiasa dikemaskini, bersih, kemas dan ceria merupakan aspek utama yang ditekankan oleh pihak urus setia bagi memastikan sudut informasi ini sentiasa mampu mencapai matlamat pihak pengurusan tertinggi kementerian seterusnya menjadikan Kementerian Pertahanan sebagai salah satu organisasi terbaik dalam menepati hasrat para pelanggannya.



Pelbagai informasi dan berita semasa berkaitan MinDef dan ATM ada di sini





SAMBUTAN *Maulidur* *Rasul* PERINGKAT ATM

- 600 orang terlibat
- 7 kontijen
- Markas ATM,
- Tentera Darat, Laut, Udara
- Kakitangan Awam
- BAKAT gabungan





Pengurusan Tertinggi Puspanita MinDef kelihatan anggun dengan busana rasmi warna ungu mereka



Puspanita



Sentiasa Bekerjasama... Puspanita menitikberatkan kesepakatan sesama ahli dalam melaksanakan apa jua aktiviti serta program dalam satu pasukan. Hormat menghormati di antara satu sama lain menjadi tunjang kepada kejayaan Puspanita MinDef dulu, kini dan selamanya...

#UNTUKLELAKI

SATU masa dulu kaum lelaki dilihat tidak peduli dengan ketampilan diri mereka yang sebenarnya memainkan peranan penting untuk tampil lebih yakin di khalayak. Mungkin mentaliti masyarakat ketika itu menganggap berhias hanya untuk wanita dan bukannya lelaki. Namun peredaran masa dan zaman telah mengubah segala persepsi dalam diri kaum adam itu sendiri dan kini ramai yang sedar akan kepentingan menjaga luaran diri. Tapi, apakah yang perlu dilakukan oleh kaum lelaki untuk tampak sedemikian? Baca 9 tips yang boleh membantu capai apa yang diimpikan itu di bawah.

1 Memakai dua atau tiga wangian sekali gus.

Kamu perlu sedar bahawa wangian berfungsi dalam memberi ilusi maskulin pada penampilan. Namun jika terlalu obses hingga memakai lebih dari satu wangian dalam satu masa, tidakkah kamu sebenarnya mengalahkan perempuan? Ia mampu memberi impak ‘pening’ kepada rakan kerja sekeliling. So, satu jenis haruman saja sudah memadai.

2 Kuku kotor dan panjang.

Penampilan kamu sudah dikira ok. Tetapi kamu lupa untuk menjaga kebersihan diri khasnya kuku jari atau kaki yang kotor. Terdapat ramai juga lelaki yang menyimpan kuku panjang namun pastikan ia bersih, kemas, dan tidak kelihatan selekeh.

3 Anda ‘shave’ ke?

Mungkin kerana mahu cepat, kebanyakan lelaki hanya menggunakan air paip sahaja sebagai ‘bahan pelembab’ ketika melakukan cukuran. Lebih teruk lagi, ada yang main cukur begitu saja! Ketahuilah lelaki bahawa kamu memerlukan gel pencukur khas bagi mengelakkan luka ketika bercukur serta memberikan keselesaan sepenuhnya. Pastikan cukuran itu rapi dan berikan tumpuan ketika bercukur.

4 Bulu hidung....

Ketika melakukan cukuran, antara perkara yang perlu kamu titik beratkan ialah bulu hidung kamu. Periksa dua atau tiga hari sekali. Manalah tahu ada bulu hidung kamu yang sudah ‘menjalar keluar’. Cara terbaik adalah dengan mencabut atau menggunningtingnya. Kemaskan agar memberi keselesaan kepada mereka yang berurusan. Hati-hati ketika melakukannya!

5 Cari tukang gunting rambut yang sesuai dan memahami

Sama seperti kaum wanita, rambut adalah ‘mahkota’ penting yang ada pada kaum lelaki. Mencari tukang gunting rambut yang sesuai dan serasi dengan diri anda memainkan peranan penting dalam hal ini. Bagaimana mahu cari penggunting rambut yang sesuai? Sebaik keluar dari kedai berkenaan, anda akan terasa tahap keyakinan meningkat dengan luarbiasa. Selain itu, tukang gunting rambut yang memahami juga akan memberi pandangan profesional mereka, memberi cadangan untuk gaya yang sesuai serta beberapa tips dalam hal penjagaan rambut kepada anda.



Kepentingan Air Dalam Tubuh Badan Manusia

Pasti ramai antara kita mengetahui akan kepentingan air dalam badan manusia. Air adalah merupakan elemen terbesar dalam tubuh badan kita. Boleh dikatakan 70% daripada kandungan tubuh badan kita adalah terdiri daripada air. Oleh sebab itu kita sering dinasihatkan meminum sekurang-kurangnya 2 liter air sehari. Terdapat satu kajian yang mencadangkan bahawa setiap orang dewasa digalakkan mengambil air 2.5 liter setiap hari. Ini adalah berdasarkan kepada kiraan satu mililiter air diperlukan untuk setiap kalori makanan. Orang dewasa memerlukan kira-kira 2500 cal setiap hari. Jom kita selidik kepentingan air dalam badan kita:-



Air meningkatkan kadar metabolisme

Air boleh meningkatkan kadar metabolisme badan dan membantu untuk berasa kenyang. Minumlah sedikit air sebelum makan, pasti anda akan berasa kenyang dengan lebih cepat. Apabila kenyang, pasti ia akan mempengaruhi pengambilan makanan anda yang mungkin juga membantu bagi mengekalkan bentuk tubuh badan yang ideal.

Air membantu meningkatkan tenaga anda

Apabila anda berasa letih dan haus, terus dapatkan air. Ini kerana badan anda mengalami dehidrasi dan ia menyebabkan anda merasa letih.

Air mampu mengurangkan stress

Apabila anda mengalami dehidrasi, badan dan minda anda juga akan turut berasa stress. Apabila anda berasa haus sahaja, itu memberikan sinyal yang anda mengalami dehidrasi. Maka minumlah dengan lebih kerap.

Bentuk otot anda dengan air

Minum air membantu mengelakkan kekejangan otot dan melincirkan otot-otot di dalam badan.

Mencantikkan kulit anda

Salah satu kesan dehidrasi yang berterusan, kulit akan menjadi kering dan boleh membuatkan garisan-garisan halus dan kedutan menjadi lebih ketara. Dengan kerap meminum air, kulit akan dihidrasikan

dan menjadikan muka anda nampak lebih muda dan cantik. Ia juga dapat membersihkan kotoran dan melancarkan peredaran darah dan menjadikan kulit anda lebih bersinar dan bersih.

Air melancarkan proses penghadaman

Selain serat, air juga penting untuk penghadaman. Air membantu melarutkan bahan buangan menjadikan ia mudah untuk dikeluarkan melalui saluran penghadaman.

Kekurangan air menyebabkan tubuh menyerap air daripada najis dan seterusnya boleh menyebabkan sembelit. Ia juga boleh menyebabkan usus besar menjadi kering dan menjadi bertambah sukar untuk proses kumbahan.

Air mengurangkan pembentukan batu karang

Pembentukan batu karang secara amnya adalah keadaan di mana garam dan mineral di dalam air kencing membentuk kristal kesan daripada kurangnya air di dalam badan untuk melerutkan garam dan mineral di dalam air kencing. Kurangkan risiko ini dengan meminum air dengan lebih banyak.

Air menstabilkan suhu badan

Anda disarankan mengambil air dengan kadar yang banyak untuk menstabilkan suhu badan, terutamanya jika mengalami demam panas.

Sumber : <http://mamaqaireen.com/kepentingan-air-dalam-tubuh-badan-manusia/>


info

MEDIA SOSIAL

Kementerian Pertahanan



Kementerian Pertahanan



www.mod.gov.my

PEMBIAYAAN

Peribadi Berpenjamin SEHINGGA

RM 200,000**

NIKMATI PENINGKATAN

Pembiayaan Baru Koperasi Tentera

**MOHON
SEKARANG**

Di mana-mana pejabat
Koperasi Tentera
berdekatan anda

Tempoh bayaran
sehingga **10 Tahun****
berdasarkan TTP
pemohon dan penjamin

2 ORANG PENJAMIN
dalam perkhidmatan
Angkatan Tentera Malaysia

Kiraan jumlah pembiayaan
berdasarkan jumlah
pendapatan **X 20 kali ****

** Tertakluk kepada terma dan syarat

Untuk maklumat lanjut sila hubungi kami di talian 03-40272600 atau
emel kepada customercare@katmb.com.my

www.katmb.com.my


**TAHUKAH
ANDA?**

Tugu Obelisk

Kementerian Pertahanan

Tugu ini dibina dengan simbolik sejarah kemerdekaan Malaysia. Teguh berdiri megah menandakan betapa bertuahnya kita menjadi rakyat Malaysia khususnya kepada warga kerja Kementerian Pertahanan. Binaannya unik serta memiliki nilai estetikanya yang tersendiri.

Tinggi tugu ini ialah 31 meter, diukir bersempena kemerdekaan negara pada hari ke-31. Tapak tugu ini berbentuk lapan segi bersempena dengan bulan Ogos (bulan ke-lapan dalam kalender) sebagai bulan kemerdekaan negara. 57 'Grooves' yang diukir pada tugu ini pula ialah untuk memperingati tahun kemerdekaan negara pada tahun 1957. Tidak terkecuali, bentuk segi empat pula menggambarkan kesaksamaan warga Kementerian Pertahanan yang terdiri daripada tentera darat, udara, laut serta penjawat awam yang sentiasa bertungkus lumus dalam memastikan kecemerlangan Kementerian Pertahanan bagi mempertahankan kedaulatan negara.





PAMERAN MARITIM DAN AEROANGKASA TERULUNG ASIA PASIFIK

21 - 25 MAC 2017

Dianjurkan bersama oleh:



Kementerian Pertahanan
Malaysia



Tempah ruang pameran anda segera.

Hubungi kami:

EN Projects Sdn. Bhd.

T +6 03 2011 7233

F +6 03 2011 7235

E sales@limaexhibition.com

[fb.com/lima.langkawi](https://www.facebook.com/lima.langkawi)

[@LimaExhibition](https://twitter.com/LimaExhibition)

[@lima_exhibition](https://www.instagram.com/lima_exhibition)

www.limaexhibition.com